

**Terjemahan
Al-Qur'an**

Bersama

**Tafsir
al-Qur'an
Dengan
al-Qur'an**

Nota (2)

**Surah al-Baqarah
Ayat 6-22**

Oleh: Maulana Muhammad Asri Yusoff

إِنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا سَوَاءٌ عَلَيْهِمْ ءَأَنذَرْتَهُمْ أَمْ لَمْ تُنذِرْهُمْ لَا يُؤْمِنُونَ ① خَتَمَ اللَّهُ عَلَى قُلُوبِهِمْ وَعَلَى سَمْعِهِمْ وَعَلَى
 أَبْصَارِهِمْ غِشَاوَةً وَلَهُمْ عَذَابٌ عَظِيمٌ ② وَمِنَ النَّاسِ مَن يَقُولُ آمَنَّا بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَمَا هُمْ بِمُؤْمِنِينَ ③
 يُخَدِّعُونَ اللَّهَ وَالَّذِينَ آمَنُوا وَمَا يُخَدِّعُونَ إِلَّا أَنْفُسَهُمْ وَمَا يَشْعُرُونَ ④

Sesungguhnya (ada) orang-orang kafir, sama sahaja kepada mereka, engkau beri peringatan kepadanya atau tidak engkau beri peringatan, mereka tetap tidak akan beriman.²⁴ [6]

Allah telah mengunci mati hati dan pendengaran mereka, dan pada penglihatan mereka ada selaput (penutup). Dan untuk mereka (pula disediakan) azab siksa yang amat besar.²⁵ [7]

²⁴ Orang-orang kafir yang tetap tidak akan beriman itu ialah yang sama sahaja kepada mereka, diberi peringatan kepadanya atau tidak. Kedegilan mereka luar biasa. Mereka langsung tidak bersedia mendengar dan berfikir soal kebenaran. Tetapi tidak semua orang-orang kafir begitu, kerana terbukti selepas turun ayat ini sekalipun, sangat ramai di antara mereka yang memeluk agama Islam. Selain mempunyai sifat yang disebutkan di dalam ayat ke-6 ini, Allah menyebutkan beberapa lagi sifat orang-orang kafir yang tetap tidak akan beriman hingga mati, melalui ayat di bawah ini:

الَّذِينَ يُجَادِلُونَ فِي ءَايَاتِ اللَّهِ بِغَيْرِ سُلْطَانٍ أَتَتْهُمْ كَثِيرٌ مَّقْتًا عِنْدَ اللَّهِ وَعِنْدَ الَّذِينَ ءَامَنُوا كَذَلِكَ يَطْبَعُ اللَّهُ عَلَى كُلِّ قَلْبٍ
 مُّتَكَبِّرٍ ⑤

Bermaksud: (Iaitu) orang-orang yang memperdebatkan ayat-ayat Allah tanpa alasan yang sampai kepada mereka (dari pihak yang diakui benar). Amat besar kemurkaan (terhadap mereka) di sisi Allah dan di sisi orang-orang yang beriman. Demikianlah Allah mengunci mati hati orang yang sombong dan sewenang-wenang. (Ghafir:35).

²⁵ Ayat ke-7 ini menyatakan akibat bagi sikap orang-orang kafir yang tersebut di dalam ayat ke-6 sebelumnya. Ia tidak bercerita tentang semua orang-orang kafir. Kalau semua orang kafirlah yang dimaksudkan, niscaya tidak ada orang kafir dapat memeluk agama Islam hingga kiamat. Sedangkan kenyataan mendustakannya. Ia sekadar menyatakan Sunnatullah tentang orang-orang kafir seperti itu, sama seperti apa yang difirmankan Allah di dalam dua ayat di bawah ini:

وَلَا تَكُونُوا كَالَّذِينَ نَسُوا اللَّهَ فَأَنسَاهُمْ أَنْفُسَهُمْ أُولَٰئِكَ هُمُ الْفَاسِقُونَ ⑥

Bermaksud: Dan janganlah kamu menjadi seperti orang-orang yang lupa kepada (perintah-perintah) Allah, lalu Allah menjadikan mereka lupa kepada diri mereka sendiri. Mereka itulah orang-orang yang fasiq (derhaka). (al-Hasyr:19).

Lupa manusia kepada Allah dan ajaran-ajaranNya mengakibatkan mereka lupa mengerjakan kebaikan yang akan mendatangkan keuntungan kepada diri mereka sendiri. Itulah Sunnatullah.

Bermaksud: Maka dengan sebab mereka mencabuli perjanjian setia mereka, Kami kutuki mereka, dan Kami jadikan hati mereka keras (tidak mahu menerima kebenaran). Mereka sentiasa mengubah kalimah-kalimah (yang ada di dalam kitab Taurat dengan memutarnya) daripada tempat-tempatnya (dan maksudnya) yang sebenar dan mereka melupakan (meninggalkan) sebahagian daripada apa yang diperingatkan mereka dengannya, dan engkau (wahai Muhammad) sentiasa dapat melihat perbuatan khianat yang mereka lakukan, kecuali sedikit dari mereka (yang tidak berlaku khianat). Oleh itu, maafkanlah mereka (jika mereka sedia bertaubat) dan janganlah dihiraukan, kerana sesungguhnya Allah suka kepada orang-orang yang berbuat baik. (al-Maa'idah:13)

Nifaq dan irtidaad (menjadi murtad) adalah antara penyakit yang boleh mengakibatkan hati manusia terkunci mati dan ia tidak mempunyai kelayakan untuk mendapat petunjuk lagi. Lihatlah firman Allah di bawah ini sebagai buktinya:

Bermaksud: (Perbuatan buruk) yang demikian itu adalah kerana mereka mengaku beriman (di hadapan orang-orang Islam), kemudian mereka menjadi kafir (lagi) lalu hati mereka dikunci mati; kerana itu mereka tidak dapat memahami (yang mana benar dan yang mana salah). (al-Munafiqun:3).

Bermaksud: Sesungguhnya orang-orang yang beriman, kemudian kafir, kemudian beriman (pula), kemudian kafir lagi, kemudian semakin bertambah-tambah lagi kekufurannya, Allah tidak sekali-kali akan mengampunkan mereka, dan tidak (pula) akan memberi petunjuk kepada mereka ke jalan yang benar. (137)

Berilah berita gembira kepada orang-orang munafiq bahawa sesungguhnya disediakan untuk mereka azab siksa yang tidak terperi sakitnya. (138). (an-Nisaa':137-138).

Demikianlah Sunnatullah atau taqdir Allah dalam hal ini.

Jika dilihat dari sudut I'raab pula, maka perkataan و pada firman Allah: وَعَلَىٰ سَمْعِهِمْ dan وَعَلَىٰ أَبْصَرِهِمْ boleh di'raab dengan tiga cara. **Cara pertamanya** ialah kedua-duanya diterima sebagai واو العطف. Dan وَعَلَىٰ سَمْعِهِمْ baginya ialah عَلَىٰ قُلُوبِهِمْ yang tersebut sebelum itu. Ia akan memberi erti Allah bukan sahaja mengunci mati hati mereka, tetapi pendengaran dan penglihatan mereka juga. Semuanya dikunci mati. **Cara keduanya** ialah perkataan و pada firman Allah: وَعَلَىٰ سَمْعِهِمْ dan وَعَلَىٰ أَبْصَرِهِمْ diterima sebagai واو الاستئناف. Dan وَعَلَىٰ سَمْعِهِمْ serta وَعَلَىٰ أَبْصَرِهِمْ menjadi خبر مقدم bagi غَشْوَةِ غِشْوَةٍ selepasnya yang menjadi مبتدأ مؤخر. Sebabnya غِشْوَةٌ itu dikemudiankan ialah kerana ia isim nakirah. Antara perkara yang mengharuskan (مسوغ) isim nakirah menjadi mubtada' ialah apabila khabarnya dalam bentuk syibih jumlah (جار ومجرور) didahulukan. Itulah yang berlaku di sini. Jika diterima begini, maka firman Allah itu memberi erti yang dikunci mati oleh Allah hanyalah hati mereka. Sementara pendengaran dan penglihatan mereka tidak. Pada kedua-duanya bahkan apa penutup. Penutup itulah yang menyebabkan mereka tidak dapat mendengar dan tidak dapat melihat. **Cara ketiganya** ialah seperti cara kedua juga, tetapi yang diterima sebagai واو الاستئناف hanyalah وَعَلَىٰ أَبْصَرِهِمْ sahaja. Adapun وَعَلَىٰ سَمْعِهِمْ, maka itu baginya ialah عَلَىٰ قُلُوبِهِمْ yang tersebut sebelum itu. Dalam keadaan ini firman Allah ini akan memberi erti Allah mengunci mati hati dan pendengaran mereka (sahaja). Adapun penglihatan mereka, maka ia berselaput, menyebabkan mereka tidak nampak. Antara tiga cara i'raab itu, cara i'raab ketiga inilah yang terbaik kerana ada ayat lain yang menyokong dan menjelaskan demikian. Lihat ayat berkenaan di bawah ini:

أَفَرَأَيْتَ مَنِ اتَّخَذَ إِلَٰهَهُ هَوَاهُ وَأَضَلَّهُ اللَّهُ عَلَىٰ عِلْمٍ وَخَتَمَ عَلَىٰ سَمْعِهِ وَقَفَىٰ عَنَّا وَجَعَلَ عَلَىٰ بَصَرِهِ غِشْوَةً فَمَن يَهْدِيهِ مِن بَعْدِ اللَّهِ أَفَلَا تَذَكَّرُونَ ﴿٣٧﴾

Bermaksud: Apa katamu tentang orang yang mempertuhankan hawa nafsunya dan Allah membiarkannya sesat sesudah ia tahu (dan sedar), **dan Allah (juga) mengunci mati pendengaran serta hatinya, selain menutupi penglihatannya?** Siapakah (lagi) yang dapat memberinya petunjuk selain Allah? Tidakkah kamu mahu mengambil pelajaran?

Ayat ini menjelaskan bahawa yang dikunci mati oleh Allah ialah hati dan pendengaran, tidak termasuk penglihatan. Adapun penglihatan, maka ia ditutupi Allah dengan sesuatu tutupan.

Orang-orang yang menerima cara i'raab yang pertama pula boleh berdalil dengan firman Allah berikut:

أُولَٰئِكَ الَّذِينَ طَبَعَ اللَّهُ عَلَىٰ قُلُوبِهِمْ وَسَمْعِهِمْ وَأَبْصَرِهِمْ وَأُولَٰئِكَ هُمُ الْغَافِلُونَ ﴿٣٨﴾

Bermaksud: Mereka itulah orang-orang yang hati, pendengaran dan penglihatannya telah dikunci mati oleh Allah, dan mereka itulah orang-orang yang lalai. (an-Nahl:108).

Di antara manusia ada yang berkata: “Kami beriman kepada Allah dan kepada hari kemudian,” padahal mereka sebenarnya tidak beriman.”²⁶ [8]

Mereka hendak menipu Allah²⁷ dan orang-orang yang beriman, sedangkan mereka tidak menipu melainkan diri mereka sendiri,²⁸ tetapi mereka tidak sadar.²⁹ [9]

Ayat ini menunjukkan hati, pendengaran dan penglihatan mereka, ketiga-tiganya dikunci mati oleh Allah. Perkataan وَاَوْبَصُرُهُمْ dan وَسَمِعَهُمْ pada واو العطف. Dan baginya ialah قُلُوبُهُمْ yang tersebut sebelumnya. Perkataan طَبَعَ yang tersebut di dalam ayat ini seharusnya dipakai sebagai kata seerti (مرادف) bagi perkataan خَتَمَ di dalam ayat ke-7 Surah al-Baqarah yang sedang dibincangkan sekarang.

²⁶ Dpd ayat ke-8 ini bermula pula cerita tentang orang-orang munafiq, iaitu orang-orang yang berpura-pura Islam dan mengaku beriman. Tetapi tidak diperjelaskan siapakah mereka dan di mana mereka berada (semasa hidup nabi s.a.w.). Firman Allah di dalam Surah at-Taubah ini menjelaskannya:

وَمِمَّنْ حَوْلَكُم مِّنَ الْأَعْرَابِ مُتَنَفِّقُونَ وَمِنْ أَهْلِ الْمَدِينَةِ مَرَدُّوا عَلَى الْإِثْقَابِ لَا تَعْلَمُهُمْ نَحْنُ نَعْلَمُهُمْ سَنُعَذِّبُهُمْ مَّرَّتَيْنِ ثُمَّ يَرْدُّونَ إِلَىٰ عَذَابٍ عَظِيمٍ ﴿١٠١﴾

Bermaksud: Di antara orang-orang Arab Badwi yang di sekelilingmu itu, ada orang-orang munafiq; dan (juga) di antara penduduk Madinah. Mereka keterlaluan dalam kemunafiqannya. Engkau (Muhammad) tidak mengetahui mereka, (tetapi) Kami yang mengetahui mereka. Nanti mereka akan Kami siksa dua kali, kemudian mereka akan dikembalikan kepada azab yang besar. (Taubah:101).

Di dalam Surah al-Hujuraat pula Allah berfirman:

قَالَتِ الْأَعْرَابُ ءَامَنَّا قُل لَّمْ تُؤْمِنُوا وَلَكِن قُولُوا أَسْلَمْنَا وَلَمَّا يَدْخُلِ الْإِيمَانُ فِي قُلُوبِكُمْ وَإِنْ تُطِيعُوا اللَّهَ وَرَسُولَهُ لَا يَلِتْكُمْ مِّنْ أَعْمَالِكُمْ شَيْئًا إِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿١٥﴾

Bermaksud: Orang-orang Arab Badui itu berkata: “Kami telah beriman”. Katakanlah (wahai Muhammad): “Kamu belum beriman, tetapi katakanlah “kami telah Islam (tunduk)”, kerana iman itu belum masuk ke dalam hatimu; dan jika kamu taat kepada Allah dan Rasul-Nya (zahir dan batin), Dia (Allah) tidak akan mengurangi sedikitpun pahala amalanmu; sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.” (al-Hujuraat:14).

Melalui ayat ini Allah mendedahkan rahsia orang-orang munafiq, bahawa mereka belum beriman, meskipun mulut dan perbuatan mereka menampakkan seolah-olah mereka telah beriman kerana mengamalkan beberapa ajaran Islam yang zahir. Tetapi Allah tahu apa yang tersimpan di dalam hati mereka.

²⁷ Maksud hendak menipu Allah ialah hendak menipu RasulNya dengan berpura-pura menyatakan keimanan mereka kepadanya. Allah berfirman:

إِذَا جَاءَكَ الْمُتَنَفِّقُونَ قَالُوا نَشْهَدُ إِنَّكَ لَرَسُولُ اللَّهِ وَاللَّهُ يَعْلَمُ إِنَّكَ لَرَسُولُهُ وَاللَّهُ يَشْهَدُ إِنَّ الْمُتَنَفِّقِينَ لَكَاذِبُونَ ﴿١٦﴾

Bermaksud: Apabila orang-orang munafiq datang kepadamu (wahai Muhammad), mereka berkata: Kami mengakui bahawa sesungguhnya engkau sebenar-benarnya Rasul Allah dan Allah sememangnya mengetahui bahawa engkau ialah RasulNya, serta Allah menyaksikan bahawa sesungguhnya pengakuan mereka adalah dusta. (al-Munafiqun:1).

Seringkali di dalam Al-Qur'an, sesuatu perkara dikaitkan dengan Allah, padahal sebenarnya ia secara langsung berkait dengan RasulNya. Tujuan dikatakan begitu adalah sebagai isyarat bahawa berurusan dengan rasul bererti berurusan dengan Allah. Taat kepada rasul bererti taat kepada Allah. Lihat sebagai contohnya dua firman Allah di bawah ini:

(1) إِنَّ الَّذِينَ يُبَايِعُونَكَ إِنَّمَا يُبَايِعُونَ اللَّهَ يَدُ اللَّهِ فَوْقَ أَيْدِيهِمْ فَمَنْ نَكَثَ فَإِنَّمَا يَنْكُثُ عَلَىٰ نَفْسِهِ ۖ وَمَنْ أَوْفَىٰ بِمَا عَاهَدَ عَلَيْهِ اللَّهُ فَمَن يُؤْتِيهِ أَجْرًا عَظِيمًا ١٥

Bermaksud: **Sesungguhnya orang-orang yang memberi pengakuan taat setia kepadamu (wahai Muhammad untuk berjuang menentang musuh), mereka sebenarnya memberikan pengakuan taat setia kepada Allah; Tangan Allah di atas tangan mereka.** Oleh itu, sesiapa yang melanggar janji setianya, niscaya bahayanya hanya akan menimpa dirinya dan sesiapa yang menepati janjinya kepada Allah, maka Allah akan memberi kepadanya pahala yang besar. (al-Fath:10).

(2) مَنْ يُطِيعِ الرَّسُولَ فَقَدْ أَطَاعَ اللَّهَ ۚ وَمَنْ تَوَلَّىٰ فَمَا أَرْسَلْنَاكَ عَلَيْهِمْ حَفِظًا ٨٥

Bermaksud: **Sesiapa yang mentaati Rasul itu, sesungguhnya dia telah mentaati Allah.** Dan sesiapa yang berpaling (dari ketaatan itu), maka Kami tidak mengutusmu untuk menjadi penjaga mereka. (an-Nisaa':80).

²⁸ Kerana akibat buruk perbuatan keji mereka hanya menimpa diri mereka sendiri. Firman Allah:

مَنْ عَمِلَ صَالِحًا فَلِنَفْسِهِ ۖ وَمَنْ أَسَاءَ فَعَلَيْهَا ۚ وَمَا رَبُّكَ بِظَلَّامٍ لِّلْعَبِيدِ ٥١

Bermaksud: Sesiapa yang mengerjakan amal soleh maka faedahnya akan terpulang kepada dirinya sendiri **dan sesiapa yang berbuat kejahatan, maka bahayanya akan menimpa dirinya sendiri** dan Tuhanmu tidak sekali-kali berlaku zalim kepada hamba-hambaNya. (Fusshilat:46).

FirmanNya lagi:

مَنْ عَمِلَ صَالِحًا فَلِنَفْسِهِ ۖ وَمَنْ أَسَاءَ فَعَلَيْهَا ۚ ثُمَّ إِلَىٰ رَبِّكُمْ تُرْجَعُونَ ٥٢

Bermaksud: Sesiapa yang mengerjakan amal soleh, maka faedahnya akan terpulang kepada dirinya sendiri **dan sesiapa yang berbuat kejahatan, maka bahayanya akan menimpa dirinya sendiri**; kemudian kepada Tuhanmulah kamu dikembalikan. (al-Jaatsiyah:15).

²⁹ bahawa mereka dengan perbuatan keji seperti itu membahayakan dan merugikan diri sendiri saja.

فِي قُلُوبِهِمْ مَرَضٌ ۖ فَزَادَهُمُ اللَّهُ مَرَضًا ۚ وَلَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿٩﴾ يَمَّا كَانُوا يَكْذِبُونَ ﴿١٠﴾ وَإِذَا قِيلَ لَهُمْ لَا تُفْسِدُوا فِي الْأَرْضِ ۖ قَالُوا إِنَّمَا نَحْنُ مُصْلِحُونَ ﴿١١﴾ أَلَا إِنَّهُمْ هُمُ الْمُفْسِدُونَ وَلَكِنْ لَا يَشْعُرُونَ ﴿١٢﴾ وَإِذَا قِيلَ لَهُمْ آمِنُوا كَمَا آمَنَ النَّاسُ قَالُوا أَنُؤْمِنُ كَمَا آمَنَ السُّفَهَاءُ ۗ أَلَا إِنَّهُمْ هُمُ السُّفَهَاءُ وَلَكِنْ لَا يَعْلَمُونَ ﴿١٣﴾ وَإِذَا لَقُوا الَّذِينَ آمَنُوا قَالُوا آمَنَّا ۖ وَإِذَا خَلَوْا إِلَىٰ شُيَاطِينِهِمْ قَالُوا إِنَّا مَعَكُمْ إِنَّمَا نَحْنُ مُسْتَهْزِءُونَ ﴿١٤﴾ اللَّهُ يَسْتَهْزِئُ بِهِمْ وَيَمُدُّهُمْ فِي طُغْيَانِهِمْ يَعْمَهُونَ ﴿١٥﴾

Di dalam hati mereka ada penyakit,³⁰ lalu ditambah Allah penyakitnya;³¹ dan untuk mereka (disediakan) azab yang amat pedih, disebabkan mereka berdusta.³² [10]

³⁰ Kenapakah manusia melakukan perbuatan keji yang membahaya dan merugikan diri sendiri dan kenapa mereka tidak sadar akan akibat buruknya? Melalui ayat ke-10 ini Allah memberikan jawabannya, iaitu kerana di dalam hati mereka ada penyakit kufur nifaq.

³¹ Kedatangan Al-Qur'an yang sepatutnya menjadi penawar jiwa manusia sebaliknya menambah parah lagi penyakit jiwa orang-orang munafiq. Itulah yang disebut Allah melalui firmanNya ini:

وَنُزِّلُ مِنَ الْقُرْآنِ مَا هُوَ شِفَاءٌ وَرَحْمَةٌ لِّلْمُؤْمِنِينَ وَلَا يَزِيدُ الظَّالِمِينَ إِلَّا خَسَارًا ﴿٨٢﴾

Bermaksud: Dan Kami turunkan dari Al-Qur'an suatu yang menjadi penawar dan rahmat bagi orang-orang yang beriman **dan ia (Al-Qur'an itu) tidaklah menambah kepada orang-orang yang zalim selain kerugian.** (al-Israa':82).

Antara penyakit yang ditambah Allah kepada orang-orang munafiq ialah sifat-sifat hati yang jelik dan keji seperti perasaan dendam, dengki dan sedih apabila melihat kemenangan, kejayaan dan pertolongan Allah kepada orang-orang mu'min. Itulah yang disebut Allah di dalam ayat di bawah ini:

وَإِذَا مَا أَنزَلْنَا سُورَةً فَمِنْهُمْ مَّن يَقُولُ أَيُّكُمْ زَادَتْهُ هَذِهِ ۖ إِمَّا الَّذِينَ ءَامَنُوا فَرَادَتْهُمْ إِيمَنًا وَهُمْ يَسْتَبْشِرُونَ ﴿١٢٤﴾
وَأَمَّا الَّذِينَ فِي قُلُوبِهِمْ مَرَضٌ فَرَادَتْهُمْ رِجْسًا إِلَىٰ رِجْسِهِمْ وَمَاتُوا وَهُمْ كَافِرُونَ ﴿١٢٥﴾

Bermaksud: Dan apabila diturunkan sesuatu surah (dari Al-Quran) maka di antara mereka (yang munafiq) ada yang bertanya (secara mengejek): “Siapakah di antara kamu yang imannya bertambah disebabkan oleh surah ini?” Adapun orang-orang yang beriman, maka surah itu menambah imannya, dan mereka bergembira (dengan turunnya). (124)

Adapun orang-orang yang ada penyakit (kufur) dalam hati mereka, maka surah Al-Quran itu menambahkan kekotoran (kufur) kepada kekotoran (kufur) yang sedia ada pada mereka; dan mereka mati dalam keadaan kafir. (125). (at-Taubah:124-125).

³² apabila mereka berkata: “Kami beriman kepada Allah dan kepada hari kemudian”. Padahal mereka sebenarnya tidak beriman.

Dan apabila mereka dinasihatkan: “Janganlah kamu melakukan kerosakan di bumi”. Mereka menjawab: “Sesungguhnya kami orang-orang yang hanya berbuat kebaikan.” [11]

Ketahuilah! Sesungguhnya merekalah orang-orang yang sebenar-benarnya melakukan kerosakan, tetapi mereka tidak sedar. [12]

Dan apabila dikatakan kepada mereka: “Berimanlah kamu sebagaimana orang-orang itu telah beriman”.³³ Mereka menjawab: Patutkah kami ini beriman sebagaimana berimannya orang-orang bodoh itu?³⁴ Ketahuilah! Sesungguhnya

³³ Di dalam Surah al-A'raaf Allah berfirman tentang orang-orang yang tidak beriman begini:

وَلَقَدْ ذَرَأْنَا لِجَهَنَّمَ كَثِيرًا مِّنَ الْجِنِّ وَالْإِنسِ لَهُمْ قُلُوبٌ لَا يَفْقَهُونَ بِهَا وَلَهُمْ أَعْيُنٌ لَا يُبْصِرُونَ بِهَا وَلَهُمْ آذَانٌ لَا يَسْمَعُونَ بِهَا أُولَٰئِكَ كَالْأَنْعَامِ بَلْ هُمْ أَضَلُّ أُولَٰئِكَ هُمُ الْغَافِلُونَ ﴿٣٣﴾

Bermaksud: Dan sesungguhnya Kami jadikan untuk neraka Jahannam ramai dari kalangan jin dan manusia, mereka mempunyai hati, tetapi tidak dipergunakannya untuk memahami (ayat-ayat Allah) dan mereka mempunyai mata (tetapi) tidak dipergunakannya untuk melihat (tanda-tanda kekuasaan Allah), dan mereka mempunyai telinga (tetapi) tidak dipergunakannya untuk mendengar (ayat-ayat Allah). Mereka itu seperti binatang ternak, bahkan mereka lebih sesat lagi. Mereka itulah orang-orang yang lalai. (al-A'raaf:179).

Orang-orang yang tidak beriman dikatakan seperti binatang ternak, bahkan mereka lebih sesat lagi daripada binatang ternak. Di dalam ayat ke-13 Surah al-Baqarah ini pula Allah menggunakan perkataan *الناس* (manusia yang sempurna) untuk orang-orang yang telah beriman di zaman Rasulullah s.a.w. Mereka ialah para sahabat baginda yang bistari. Secara tersirat ia menyatakan orang-orang yang tidak beriman itu bukan *الناس* (manusia yang sempurna) dalam erti kata yang sebenarnya.

³⁴ Orang-orang kafir di zaman Rasulullah s.a.w. mengatakan para sahabat yang telah beriman adalah orang-orang bodoh. Itu juga yang dikatakan oleh orang-orang kafir di zaman Nabi Nuh a.s. dahulu kepada para pengikut baginda a.s. Allah berfirman:

فَقَالَ الْمَلَأُ الَّذِينَ كَفَرُوا مِن قَوْمِهِ مَا تَرَدُّكَ إِلَّا بَشَرًا مِّثْلَنَا وَمَا تَرَدُّكَ أَتَّبَعَكَ إِلَّا الَّذِينَ هُمْ أَرَادُوا بِإِدْبَارِكِ الْأُمِّي وَمَا نَرَىٰ لَكُمْ عَلَيْنَا مِن فَضْلٍ بَلْ نَظُنُّكُمْ كَاذِبِينَ ﴿٣٤﴾

Bermaksud: Maka berkatalah ketua-ketua yang kafir dari kaumnya (Nabi Nuh a.s.): Kami tidak memandangkanmu (wahai Nuh) melainkan sebagai seorang manusia seperti kami **dan kami tidak nampak golongan yang mengikutmu melainkan orang-orang kami yang miskin hina, lagi berfikiran singkat** dan kami juga tidak memandang kamu (semua) mempunyai sebarang kelebihan yang mengatasi kami, bahkan kami menganggap kamu orang-orang pendusta. (Hud:27).

merekalah sebenarnya orang-orang yang bodoh,³⁵ tetapi mereka tidak mengetahui (hakikat yang sebenarnya).³⁶ [13].

Apabila mereka bertemu dengan orang-orang yang beriman, mereka berkata: Kami (juga) telah beriman”, dan apabila mereka pergi secara rahsia kepada syaitan-syaitan mereka,³⁷ mereka berkata pula: “Sesungguhnya kami tetap bersama kamu, kami hanya memperolok-olok (akan orang-orang yang beriman) sahaja. [14]

Allah (membalas) memperolok-olok mereka³⁸ dan membiarkan mereka meraba-raba dalam kesesatan mereka.³⁹ [15]

³⁵ kerana tidak beriman. Firman Allah di bawah ini adalah buktinya:

وَمَنْ يَرْغَبْ عَنْ مِلَّةِ إِبْرَاهِيمَ إِلَّا مِنْ سَفِهَةِ نَفْسِهِ وَلَقَدْ أَصْطَفَيْنَاهُ فِي الدُّنْيَا وَإِنَّهُ فِي الْآخِرَةِ لَمِنَ الصَّالِحِينَ ﴿٣٥﴾

Bermaksud: **Dan tidak ada yang benci kepada agama Ibrahim (agama Islam), melainkan orang yang memperbodoh dirinya sendiri**, dan sesungguhnya Kami telah memilihnya (sebagai seorang rasul) di dunia dan sesungguhnya dia di akhirat kelak benar-benar termasuk dalam golongan orang-orang yang saleh. (al-Baqarah:130).

³⁶ Bagaimana mereka akan mengetahui kalau mereka lalai seperti binatang ternak, bahkan mereka lebih sesat lagi daripada binatang ternak!

³⁷ Ketua-ketua dan pemimpin-pemimpin orang-orang munafiq dan kafir disebut Allah sebagai syaitan-syaitan, kerana mereka serupa dengan syaitan-syaitan daripada segi menyesatkan pengikut-pengikutnya. Itulah yang difirmankan Allah di dalam ayat yang lain:

إِنَّمَا ذَلِكُمُ الشَّيْطَانُ يُخَوِّفُ أَوْلِيَاءَهُ فَلَا تَخَافُوهُمْ وَخَافُوا اللَّهَ إِن كُنْتُمْ مُؤْمِنِينَ ﴿٣٦﴾

Bermaksud: Sesungguhnya mereka itu tidak lain hanyalah syaitan yang menakutkan (kamu terhadap) pengikut-pengikutnya (orang-orang kafir musyrik). Oleh itu janganlah kamu takut kepada mereka, tetapi takutlah kepadaKu, jika betul kamu orang-orang yang beriman. (Aali `Imraan:175).

³⁸ dengan mendedahkan hakikat mereka yang sebenarnya, serta menghina dan mengutuk mereka di hadapan umum di dalam dunia, seperti tersebut di dalam firmanNya ini:

وَإِذَا رَأَيْتَهُمْ تُعْجِبُكَ أَجْسَامُهُمْ وَإِنْ يَقُولُوا تَسْمَعُ لِقَوْلِهِمْ كَأَنَّهُمْ خِشْبٌ مُسْنَدَةٌ يَحْسِبُونَ كُلَّ صَيْحَةٍ عَلَيْهِمْ هُمُ الْعَادُوْنَ فَاحْذَرْهُمْ قَتَلَهُمُ اللَّهُ أَنَّى يُؤْفَكُونَ ﴿٣٧﴾

Bermaksud: Dan apabila engkau melihat mereka, engkau tertarik hati kepada tubuh badan mereka (dan kelalukannya) dan apabila mereka berkata-kata, engkau juga (tertarik hati) mendengar tutur katanya (kerana manis dan fasih. Dalam pada itu)

Mereka adalah seperti batang-batang kayu yang tersandar (tidak terpakai kerana tidak ada padanya kekuatan yang dikehendaki). Mereka (kerana merasai bersalah, sentiasa dalam keadaan cemas sehingga) menyangka tiap-tiap jeritan (atau riuh-rendah yang mereka dengar) adalah untuk membahayakan mereka. Mereka itulah musuh yang sebenar-benarnya, maka berjaga-jagalah engkau terhadap mereka. Semoga Allah membinasa dan menyingkirkan mereka dari rahmatNya. (Pelik sungguh!) Bagaimana mereka dipalingkan (oleh hawa nafsunya dari kebenaran)? (al-Munafiqun:4).

Di akhirat pula keadaan mereka seperti digambarkan oleh Allah di dalam beberapa ayat di bawah ini:

يَوْمَ يَقُولُ الْمُنَافِقُونَ وَالْمُنَافِقَاتُ لِلَّذِينَ ءَامَنُوا انظُرُونَا نَقْتِسِسْ مِنْ تُوْرِكُمْ قِيلَ ارْجِعُوا وَرَاءَكُمْ فَالْتَمِسُوا نُورًا فَضُرِبَ بَيْنَهُمْ بِسُورٍ لَهُ بَابٌ بَاطِنُهُ فِيهِ الرَّحْمَةُ وَظَاهِرُهُ مِنْ قِبَلِهِ الْعَذَابُ ۝ يُتَادَوْنَهُمْ أَلَمْ تَكُنْ مَعَهُمْ قَالُوا بَلَىٰ وَلَكِنَّكُمْ فَتَنْتُمْ أَنْفُسَكُمْ وَتَرَبَّصْتُمْ وَارْتَبْتُمْ وَغَرَّتْكُمُ الْأَمَانِيُّ حَتَّىٰ جَاءَ أَمْرُ اللَّهِ وَغَرَّكُمْ بِاللَّهِ الْغُرُورُ ۝ فَالْيَوْمَ لَا يُؤْخَذُ مِنْكُمْ فِدْيَةٌ وَلَا مِنَ الَّذِينَ كَفَرُوا مَأْوَتْكُمُ النَّارُ هِيَ مَوْلَاكُمْ وَبِئْسَ الْمَصِيرُ ۝

Bermaksud: Pada hari (kiamat) ketika orang-orang munafiq laki-laki dan perempuan (yang sedang meraba-raba dalam gelap-gelita), berkata kepada orang-orang yang beriman: “Tunggulah kami, biarlah kami mengambil sedikit dari cahaya kamu”. (Maka) Dikatakan (kepada mereka secara memperolok-olok): “Kembalilah kamu ke belakang dan carilah (sendiri) cahaya (untukmu)”. Lalu diadankanlah di antara mereka (yang beriman dan yang munafiq itu) tembok yang mempunyai pintu. Di sebelah dalamnya ada rahmat (Syurga dan ni`mat) dan di sebelah luarnya, dari situ ada siksa. (13)

Orang-orang munafiq itu memanggil mereka (orang-orang mukmin) seraya berkata: “Bukankah kami dahulu bersama-sama dengan kamu?” Mereka (orang-orang mukmin) menjawab: “Benar, tetapi kamu mencelakakan dirimu sendiri (dengan perbuatan munafiq) dan menunggu (kehancuran kami umat Islam) dan kamu pula ragu-ragu (terhadap perkara-perkara agama) serta tertipu oleh angan-angan kosong (untuk mencapai maksud kamu) sehingga datanglah ketetapan Allah (kematianmu); dan kamu telah tertipu terhadap Allah oleh (syaitan) yang amat penipu. (14)

Maka pada hari ini tidak diterima tebusan dari kamu dan tidak pula dari orang-orang kafir. Tempat tinggal kamu ialah neraka. Nerakalah tempat berlindungmu. Dan ia adalah seburuk-buruk tempat kembali.” (15). (al-Hadid:13-15).

³⁹ supaya semakin banyak dosa dan semakin jauh mereka daripada Allah. Itulah akibatnya apabila Allah membiarkan manusia meraba-raba dalam kesesatan. Perkara ini disebut Allah di dalam firmanNya ini:

وَلَا يَحْسَبَنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا أَنَّمَا نُمْلِ لَهُمْ خَيْرًا لِّأَنْفُسِهِمْ إِنَّمَا نُمْلِ لَهُمْ لِيَزْدَادُوا إِثْمًا وَلَهُمْ عَذَابٌ مُّهِينٌ ۝

Bermaksud: Dan janganlah sekali-kali orang-orang kafir menyangka, bahawa Kami membiarkan (mereka hidup lama) itu lebih baik bagi diri mereka; kerana sesungguhnya Kami biarkan mereka hanyalah supaya semakin bertambah dosa mereka (di dunia); dan mereka pula beroleh azab siksa yang menghinakan (di akhirat kelak). (Aali `Imraan:178).

أُولَئِكَ الَّذِينَ اشْتَرَوُا الضَّلَالَةَ بِالْهُدَىٰ ۖ فَمَا رَبَحَتِ تِجَارَتُهُمْ وَمَا كَانُوا مُهْتَدِينَ ﴿١٧﴾ مَثَلُهُمْ كَمَثَلِ الَّذِي اسْتَوْقَدَ نَارًا ۖ فَلَمَّا أَضَاءَتْ مَا حَوْلَهُ ذَهَبَ اللَّهُ بِنُورِهِمْ وَتَرَكَهُمْ فِي ظُلُمٍ ۖ لَّا يَبْصِرُونَ ﴿١٨﴾ صُمُّ بَكْمٌ عُمَىٰ فَهُمْ لَا يَرِجُونَ ﴿١٩﴾ أَوْ كَصَيْبٍ مِّنَ السَّمَاءِ فِيهِ ظُلُمٌ وَرَعْدٌ وَنُقُورٌ ۚ يَجْعَلُونَ أَصَابِعَهُمْ فِي آذَانِهِمْ مِّنَ الصَّوَاعِقِ حَذَرَ الْمَوْتِ ۗ وَاللَّهُ مُحِيطٌ بِالْكَافِرِينَ ﴿٢٠﴾

Mereka itulah orang-orang yang membeli (menukar) kesesatan dengan hidayah, maka tiadalah beruntung perniagaan mereka⁴⁰ dan tidak pula mereka mendapat petunjuk.⁴¹ [16]

⁴⁰ Malah mereka mendapat kerugian yang nyata, seperti apa yang difirmankan Allah di dalam dua ayat di bawah ini:

قَدْ خَسِرَ الَّذِينَ كَذَّبُوا بِلِقَاءِ اللَّهِ حَتَّىٰ إِذَا جَاءَتْهُمْ أَسَاسَةٌ بَغْتَةً قَالُوا يَنْحَسِرَتْنَا عَلَىٰ مَا فَرَقْنَا فِيهَا وَهُمْ يَحْمِلُونَ أَوْزَارَهُمْ عَلَىٰ ظُهُورِهِمْ ۖ أَلَا سَاءَ مَا يَزِرُونَ ﴿٣١﴾

Bermaksud: Sesungguhnya telah rugilah orang-orang yang mendustakan pertemuan mengadap Allah; sehingga apabila hari kiamat datang kepada mereka secara mengejut, mereka berkata: “Aduhai kesalnya kami atas apa yang telah kami cukaikan dalam dunia!”, sambil memikul dosa-dosa di atas belakang mereka. Ingatlah, amatlah buruk apa yang mereka pikul itu. (al-An`aam:31).

وَمِنَ النَّاسِ مَن يَعْْبُدُ اللَّهَ عَلَىٰ حَرْفٍ فَإِنْ أَصَابَهُ خَيْرٌ اطْمَأَنَّ بِهِ ۚ وَإِنْ أَصَابَتْهُ فِتْنَةٌ انْقَلَبَ عَلَىٰ وَجْهِهِ خَسِرَ الدُّنْيَا وَالْآخِرَةَ ۚ ذَٰلِكَ هُوَ الْخُسْرَانُ الْمُبِينُ ﴿٣٢﴾

Bermaksud: Dan ada di antara manusia yang menyembah Allah dengan sikap dan pendirian yang tidak tetap, iaitu kalau dia beroleh kebaikan, senanglah hatinya dengan keadaan itu dan kalau pula dia ditimpa fitnah kesusahan, berbaliklah dia ke belakang (kepada kekufurannya). (Dengan sikapnya itu) rugilah dia di dunia dan di akhirat. Itulah kerugian yang terang nyata. (al-Hajj:11).

⁴¹ dalam perniagaan mereka, disebabkan mereka telah menukar sesuatu yang tinggi nilainya dengan sesuatu yang hina. Mereka telah menukar kehidupan yang abadi dengan kehidupan dunia yang sementara. Sedangkan Allah telah pun menyatakan nilai kehidupan dunia berbanding kehidupan akhirat melalui sekian banyak ayat-ayat Al-Qur`an. Salah satunya ialah melalui firman Allah berikut:

اللَّهُ يَبْسُطُ الرِّزْقَ لِمَن يَشَاءُ وَيَقْدِرُ ۚ وَفَرَحُوا بِأَلْحَيَوَةِ الدُّنْيَا وَمَا أَلْحَيَوَةُ الدُّنْيَا فِي الْآخِرَةِ إِلَّا مَتَّعٌ ﴿٢٦﴾

Bermaksud: Allah meluaskan rezeki bagi sesiapa yang dikehendakiNya dan Dia juga yang menyempitkannya. Mereka bergembira dengan kehidupan dunia, padahal kehidupan dunia itu hanyalah kesenangan yang kecil dan tidak kekal berbanding dengan kesenangan hari akhirat. (ar-Ra`d:26).

Perumpamaan (keadaan) mereka (golongan munafiq itu) adalah seperti orang yang menyalakan api, apabila api itu menerangi sekelilingnya,⁴² (tiba-tiba) Allah padamkan api (yang menerangi) mereka, dan membiarkan mereka dalam kegelapan, tidak dapat melihat (suatu apa pun).⁴³ [17]

Mereka pekak, bisu dan buta;⁴⁴ dengan keadaan itu mereka tidak dapat kembali (kepada kebenaran).⁴⁵ [18]

⁴² mereka tidak mempedulikannya, mereka tidak berasa perlu pun kepadanya, sehinggalah ia terpadam dengan tiba-tiba.

⁴³ Demikianlah keadaan orang-orang munafiq yang menyaksikan kebenaran ajaran Allah di sebalik ayat-ayatNya yang terang-benderang dan hujah-hujahNya yang kuat, namun mereka tidak mempedulikannya. Sebagai akibatnya, Allah tidak mempedulikan mereka. Lihatlah akibat buruk sikap mereka pada firman Allah berikut:

ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمْ كَانَتْ تَأْتِيهِمْ رُسُلُهُمْ بِالْبَيِّنَاتِ فَقَالُوا أَبَشَرٌ يَهْدُونَنَا فَكَفَرُوا وَتَوَلَّوْا وَاللَّهُ عَنِ حِمِيدٍ ﴿٥١﴾

Bermaksud: (Balasan) yang demikian itu, kerana sesungguhnya mereka pernah didatangi Rasul-rasul (yang diutus kepada) mereka dengan membawa keterangan-keterangan yang jelas nyata, tetapi mereka berkata: “Patutkah manusia (yang seperti kami menjadi Rasul untuk) memberi petunjuk kepada kami?” Lalu mereka kufur ingkar serta berpaling (dari kebenaran), (akibatnya) Allah tidak mempedulikan mereka. (Kerana) Allah Maha Kaya lagi Maha Terpuji. (at-Taghabun:6).

⁴⁴ Zahir firman Allah ini menunjukkan orang-orang munafiq itu memang bersifat dengan pekak, tuli dan buta pada fizikalnya. Tetapi di tempat lain di dalam Al-Qur’an Allah menjelaskan bahawa pekak, tuli dan buta itu bukanlah pada fizikal mereka, sebaliknya kerana tidak bergunanya deria pendengaran, penglihatan dan hati mereka dalam menerima kebenaran. Maka mereka laksana orang-orang bisu, tuli dan buta yang tidak berguna kepada mereka segala deria yang tersebut itu. Lihatlah maksud sebenarnya pada firman Allah ini:

وَلَقَدْ مَكَّنَّهُمْ فِيمَا إِنْ مَكَّنَّاكُمْ فِيهِ وَجَعَلْنَا لَهُمْ سَمْعًا وَأَبْصَرًا وَأَفْئِدَةً فَمَا أَغْنَىٰ عَنْهُمْ سَمْعُهُمْ وَلَا أَبْصَرُهُمْ وَلَا أَفْئِدَتُهُمْ مِنْ شَيْءٍ إِذْ كَانُوا يَجْحَدُونَ بِآيَاتِ اللَّهِ وَحَاقَ بِهِمْ مَا كَانُوا بِهِ يَسْتَهْزِءُونَ ﴿٥٢﴾

Bermaksud: Dan demi sesungguhnya! Kami telah meneguhkan kedudukan mereka (dengan kekuasaan dan kemewahan) yang tidak Kami berikan kamu menguasainya (wahai kaum musyrik Mekah), dan Kami telah jadikan bagi mereka pendengaran dan penglihatan serta hati; dalam pada itu, pendengaran dan penglihatan serta hati mereka tidak memberikan faedah sedikitpun kepada mereka, kerana mereka sentiasa mengingkari ayat-ayat keterangan Allah dan (dengan yang demikian) mereka diliputi oleh azab yang mereka telah ejek-ejek itu. (al-Ahqaaf:26).

Atau (bandingannya) seperti (orang-orang yang ditimpa) hujan lebat dari langit,⁴⁶ disertai gelap-gelita dan guruh serta kilat; mereka menyumbat jari-jari

Rahsia mereka menjadi pekak, tidak dapat mendengar kebenaran, bisu, tidak dapat berkata benar, dan buta, tidak nampak kebenaran pula, telah didedahkan oleh Allah di dalam ayat di bawah ini sebab-sebabnya:

وَلَقَدْ ذَرَأْنَا لِجَهَنَّمَ كَثِيرًا مِّنَ الْجِنِّ وَالْإِنسِ لَهُمْ قُلُوبٌ لَا يَفْقَهُونَ بِهَا وَلَهُمْ أَعْيُنٌ لَا يُبْصِرُونَ بِهَا وَلَهُمْ آذَانٌ لَا يَسْمَعُونَ بِهَا أُولَٰئِكَ كَالْأَنْعَامِ بَلْ هُمْ أَضَلُّ أُولَٰئِكَ هُمُ الْغَافِلُونَ ﴿٧٣﴾

Bermaksud: Dan sesungguhnya Kami jadikan untuk neraka Jahannam ramai dari kalangan jin dan manusia, mereka mempunyai hati, tetapi tidak dipergunakannya untuk memahami (ayat-ayat Allah) dan mereka mempunyai mata (tetapi) tidak dipergunakannya untuk melihat (tanda-tanda kekuasaan Allah), dan mereka mempunyai telinga (tetapi) tidak dipergunakannya untuk mendengar (ayat-ayat Allah). Mereka itu seperti binatang ternak, bahkan mereka lebih sesat lagi. Mereka itulah orang-orang yang lalai. (al-A`raaf:179).

⁴⁵ Kerana kemampun untuknya telah hilang terus daripada mereka. Itulah yang dimaksudkan oleh Allah di dalam ayat berikut:

ثُمَّ رَدَدْنَاهُ أَسْفَلَ سَافِلِينَ ﴿٥٠﴾

Bermaksud: Kemudian Kami kembalikannya ke serendah-rendah tahap orang-orang yang rendah. (at-Tiin:5).

⁴⁶ Maksud langit (السماء) di dalam Al-Qur'an apabila dikaitkan dengan hujan yang turun darinya ialah awan. Hakikat ini dapat dilihat pada beberapa firman Allah berikut:

وَأَنْزَلْنَا مِنَ الْمُعْصِرَاتِ مَاءً ثَجَّاجًا ﴿١٥﴾

Bermaksud: dan Kami turunkan dari awan air (hujan) yang banyak mencurahkan. (an-Naba':14).

أَفَرَأَيْتُمُ الْمَاءَ الَّذِي تَشْرَبُونَ ﴿٦٨﴾ أَأَنْتُمْ أَنْزَلْتُمُوهُ مِنَ الْمُزْنِ أَمْ نَحْنُ الْمُنْزِلُونَ ﴿٦٩﴾

Bermaksud: Selain dari itu, tidakkah kamu melihat air yang kamu minum? (68) Kamukah yang menurunkannya dari awan (sebagai hujan) atau Kami yang menurunkannya? (69). (al-Waaqi'ah:68-69).

اللَّهُ الَّذِي يُرْسِلُ الرِّيَّحَ فَتُثِيرُ سَحَابًا فَيَبْسُطُهُ فِي السَّمَاءِ كَيْفَ يَشَاءُ وَيَجْعَلُهُ كِسْفًا فَنَرَى الْوَدْقَ يَخْرُجُ مِنْ خِلَالِهِ

فَإِذَا أَصَابَ بِهِ مَن يَشَاءُ مِنْ عِبَادِهِ إِذَا هُمْ يَسْتَبْشِرُونَ ﴿٤٨﴾

Bermaksud: Allah jualah yang menghantarkan angin, lalu angin itu menggerakkan awan; kemudian Allah menyebarkan awan itu di langit sebagaimana yang dikehendakiNya dan menjadikannya berkelompok-kelompok; lalu engkau melihat hujan keluar dari celah-celahnya. Maka apabila Allah menurunkan hujan itu mengenai sesiapa yang dikehendakiNya dari hamba-hambanya, mereka serta merta bergembira. (ar-Ruum:48).

mereka ke dalam telinga masing-masing disebabkan bunyi petir, kerana takut mati. (Masakan mereka boleh terlepas), sedang (pengetahuan dan kekuasaan) Allah meliputi orang-orang yang kafir itu.⁴⁷ [19]

وَهُوَ الَّذِي يُرْسِلُ الرِّيحَ بُشْرًا بَيْنَ يَدَيْ رَحْمَتِهِ حَتَّىٰ إِذَا أَقْلَتْ سَحَابًا ثِقَالًا سُقْنَاهُ لِبَلَدٍ مَّيِّتٍ فَأَنْزَلْنَا بِهِ الْمَاءَ فَأَخْرَجْنَا بِهِ مِنْ كُلِّ الثَّمَرَاتِ كَذَٰلِكَ نُخْرِجُ الْمَوْتَىٰ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٥٧﴾

Bermaksud: Dan Dialah (Allah) yang menghantarkan angin sebagai pembawa berita yang menggembirakan sebelum kedatangan rahmatnya (hujan), hingga apabila angin itu membawa awan mendung, Kami halakannya ke negeri yang mati (ke daerah yang kering kontang), lalu Kami turunkan hujan dengan awan itu, kemudian Kami keluarkan dengan air hujan itu berbagai-bagai jenis buah-buahan. Begitulah Kami mengeluarkan (menghidupkan semula) orang-orang yang telah mati, supaya kamu mengambil pelajaran daripadanya. (al-A`raaf:57).

أَلَمْ تَرَ أَنَّ اللَّهَ يُزِيحُ سَحَابًا ثُمَّ يُؤَلِّفُ بَيْنَهُ ثُمَّ يَجْعَلُهُ رُكَامًا فَتَرَى الْوَدْقَ يَخْرُجُ مِنْ خِلَالِهِ وَيُنَزِّلُ مِنَ السَّمَاءِ مِنْ جِبَالٍ فِيهَا مِنْ بَرَدٍ فَيُصِيبُ بِهِ مَنْ يَشَاءُ وَيَصْرِفُهُ عَنِ مَنْ يَشَاءُ يَكَادُ سَنَا بَرْقِهِ يَذْهَبَ بِالْأَبْصَارِ ﴿٥٨﴾

Bermaksud: Tidakkah engkau melihat bahawasanya Allah mengarahkan awan bergerak perlahan-lahan, kemudian Dia mengumpulkan kelompok-kelompoknya, kemudian Dia menjadikannya tebal berlapis-lapis? Selepas itu engkau melihat hujan turun dari celah-celahnya dan Allah pula menurunkan hujan batu dari langit, dari gunung-ganang (awan) yang ada padanya; lalu Dia menimpakan hujan batu itu kepada sesiapa yang dikehendakiNya, dan menjauhkannya dari sesiapa yang dikehendakiNya. Sinaran kilat yang terpancar dari awan yang demikian keadaannya, hampir-hampir menyambar dan menghilangkan pandangan. (an-Nuur:43).

⁴⁷ Pengetahuan dan kekuasaan Allah dikatakan meliputi orang-orang yang kafir secara khusus di sini, semata-mata untuk mengancam mereka. Kerana ilmu dan kuasa Allah bukan sahaja meliputi mereka, malah meliputi sekalian makhluknya. Bukti kekuasaan Allah meliputi sekalian makhluknya ialah firman Allah ini:

فَسُبْحَنَ الَّذِي بِيَدِهِ مَلَكُوتُ كُلِّ شَيْءٍ وَإِلَيْهِ تُرْجَعُونَ ﴿٥٩﴾

Bermaksud: Maka Maha Suci (Allah) Tuhan Yang di tanganNya berada kekuasaan atas segala sesuatu dan kepada-Nya-lah kamu dikembalikan. (Yasiin:83).

Bukti bahawa kekuasaan Allah dan ilmunya meliputi segala sesuatu juga dapat dilihat pada firman Allah berikut:

اللَّهُ الَّذِي خَلَقَ سَبْعَ سَمَاوَاتٍ وَمِنَ الْأَرْضِ مِثْلَهُنَّ يَتَنَزَّلُ الْأَمْرُ بَيْنَهُنَّ لِتَعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ وَأَنَّ اللَّهَ قَدْ أَحَاطَ بِكُلِّ شَيْءٍ عِلْمًا ﴿٦٠﴾

Bermaksud: Allah-lah yang menciptakan tujuh petala langit dan (Dia menciptakan) bumi seperti itu; perintah Allah berlaku terus menerus di antara alam langit dan bumi.

يَكَادُ الْبَرَقُ أَخْطَفُ أَبْصَارَهُمْ ۖ كُلَّمَا أَضَاءَ لَهُمْ مَشَوْا فِيهِ ۖ وَإِذَا أَظْلَمَ عَلَيْهِمْ قَامُوا ۗ وَلَوْ شَاءَ اللَّهُ لَذَهَبَ بِسَمْعِهِمْ وَأَبْصَارِهِمْ ۗ إِنَّ اللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿١٩﴾ يَأْتِيهَا النَّاسُ اعْبُدُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ وَالَّذِينَ مِنْ قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ﴿٢٠﴾ الَّذِي جَعَلَ لَكُمُ الْأَرْضَ فِرَاشًا وَالسَّمَاءَ بِنَاءً ۖ وَأَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَأَخْرَجَ بِهِ مِنَ الثَّمَرَاتِ رِزْقًا لَكُمْ ۖ فَلَا تَجْعَلُوا لِلَّهِ أَنْدَادًا وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿٢١﴾

Kilat itu pula hampir-hampir menyambar (menghilangkan) penglihatan mereka; setiap kali kilat itu menerangi mereka (dengan pancarannya), mereka berjalan dalam cahayanya. Dan apabila gelap menyelubungi mereka, berhentilah mereka (menunggu dengan bingungnya).⁴⁸ Jika Allah

(Berlakunya yang demikian) supaya kamu mengetahui **bahawa sesungguhnya Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu dan bahawa sesungguhnya Allah ilmu-Nya benar-benar meliputi segala sesuatu.** (at-Thalaaq:12).

⁴⁸ Sebagaimana orang-orang yang ditimpa hujan lebat dari langit, disertai gelap-gelita dan guruh serta kilat kebingungan, begitulah orang-orang munafiq kebingungan dalam Islam. Allah berfirman tentang mereka di dalam ayat lain begini:

قُلْ أَدْعُوا مِنْ دُونِ اللَّهِ مَا لَا يَنْفَعُنَا وَلَا يَضُرُّنَا وَنُرَدُّ عَلَىٰ أَعْقَابِنَا بَعْدَ إِذْ هَدَيْتَنَا اللَّهُ كَالَّذِي اسْتَهْوَتْهُ الشَّيَاطِينُ فِي الْأَرْضِ خَيْرَانِ لَهُ أَصْحَابٌ يَدْعُونَهُ إِلَىٰ الْهُدَىٰ امْتِنَّا قُلْ إِنَّ هُدَى اللَّهِ هُوَ الْهُدَىٰ وَأَمْرًا لِنُسْلِمَ لِرَبِّ الْعَالَمِينَ ﴿٧١﴾

Bermaksud: Katakanlah: “Patutkah kita menyeru serta menyembah yang lain dari Allah, sesuatu yang tidak dapat memberi manfa’at kepada kita dan tidak dapat mendatangkan mudharat kepada kita dan (patutkah) kita kembali (berundur) ke belakang (menjadi kafir musyrik), setelah kita diberi petunjuk oleh Allah (dengan agama Islam), seperti orang yang telah disesatkan oleh Syaitan-syaitan di pesawangan yang menakutkan dalam keadaan bingung, sedang dia pula mempunyai sahabat-sahabat yang mengajaknya kepada petunjuk (dengan berkata kepadanya): “Marilah bersama-sama kami.” Katakanlah: “Sesungguhnya petunjuk Allah itulah sebenarnya petunjuk dan kita diperintahkan supaya berserah diri kepada Tuhan yang memelihara dan mentadbirkan sekalian alam.” (al-An’aam:71).

Allah mengumpamakan Al-Qur’an dan hidayat yang diturunkanNya dengan hujan lebat yang turun dari langit dan kilat di dalam ayat ke-19 dan ke-20. Ia adalah perumpamaan yang dibuat Allah untuk menggambarkan kecelaruan jiwa orang-orang munafiq dalam menghadapinya. Di satu pihak mereka gembira dengan hujan lebat yang turun dan kilat yang menerangi mereka dengan sinar cahayanya, di pihak yang lain pula mereka ketakutan yang amat sangat kerana berada dalam gelap gelita dan sedang menghadapi guruh, petir serta halilintar yang sabung menyabung tanpa henti. Demikianlah keadaan jiwa orang-orang munafiq, mereka hanya bergembira dengan ayat-ayat Al-Qur’an yang sesuai dengan keinginan dan kehendak hati mereka di

menghendaki, niscaya dihilangkanNya pendengaran dan penglihatan mereka; sesungguhnya Allah Maha Kuasa atas segala sesuatu. [20]

Wahai sekalian manusia! Sembahlah Tuhanmu yang telah menciptakanmu dan orang-orang yang terdahulu daripadamu,⁴⁹ supaya kamu (menjadi orang-orang yang) bertaqwa. [21]

Dialah yang menjadikan bumi ini untuk kamu sebagai hamparan dan langit (serta segala isinya) sebagai bangunan (yang dibina dengan kukuhnya) dan diturunkanNya air hujan dari langit,⁵⁰ lalu dikeluarkanNya dengan air itu berjenis-jenis buah-buahan sebagai rezeki untukmu; maka janganlah kamu

samping menguntungkan mereka sahaja. Ayat-ayat yang tidak bersesuaian dengan kehendak hati mereka dan menuntut pengorbanan serta kesetiaan pula tidak diendahkan, malah mereka berpaling terus daripadanya. Sikap mereka itulah yang didedahkan oleh Allah melalui dua firmanNya di bawah ini:

وَإِذَا دُعُوا إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ لِيَحْكُمَ بَيْنَهُمْ إِذَا فَرِيقٌ مِنْهُمْ مُّعْرِضُونَ ﴿٤٨﴾ وَإِنْ يَكُنْ لَهُمُ الْحَقُّ يَأْتُوا إِلَيْهِ مُذْعِنِينَ ﴿٤٩﴾

Bermaksud: Apabila mereka diajak kepada Allah (Kitab Allah) dan RasulNya (Sunnah RasulNya) supaya menjadi hakim dalam mengadili (sesuatu perkara) di antara mereka, maka dengan serta-merta sepuak dari mereka berpaling (menolak ajakan itu jika keputusannya tidak menguntungkan mereka). (48)

Dan (sebaliknya) jika keputusan itu menguntungkan mereka, mereka segera datang kepada Rasul dengan patuh (menerima hukumnya). (49). (an-Nuur:48-49).

وَمَنْ الْتَأَسَّ مِنَ الْعَالَمِينَ عَلَى حَرْفٍ فَإِنْ أَصَابَهُ خَيْرٌ اطْمَأَنَّ بِهِ وَإِنْ أَصَابَتْهُ فِتْنَةٌ انْقَلَبَ عَلَى وَجْهِهِ خَسِرَ الدُّنْيَا وَالْآخِرَةَ ذَلِكَ هُوَ الْخُسْرَانُ الْمُبِينُ ﴿٥٠﴾

Bermaksud: Dan ada di antara manusia yang menyembah Allah dengan sikap dan pendirian yang tidak tetap, iaitu kalau dia beroleh kebaikan, senanglah hatinya dengan keadaan itu dan kalau pula dia ditimpa ujian kesusahan, berbaliklah dia ke belakang (kepada kekufurannya). (Dengan sikapnya itu) rugilah dia di dunia dan di akhirat. Itulah kerugian yang terang nyata. (al-Hajj:11).

⁴⁹ Sembahlah Tuhan Yang Maha Pencipta, bukan tuhan-tuhan yang tidak mencipta apa-apa pun. Tuhan Yang Maha Pencipta sahajalah yang layak disembah. Allah berfirman:

أَفَمَنْ يَخْلُقُ كَمَنْ لَا يَخْلُقُ أَفَلَا تَذَكَّرُونَ ﴿٥١﴾

Bermaksud: “Apakah (Allah) yang menciptakan itu sama dengan yang tidak menciptakan (apa-apa)?” Mengapa tidak kamu fikirkan?

⁵⁰ Seperti telah disebutkan pada nota ke-46 yang lalu, bahawa maksud langit (السماء) di dalam Al-Qur'an apabila dikaitkan dengan hujan yang turun darinya ialah awan. Lihat nota ke-46 untuk mendapat dalil-dalilnya daripada Al-Qur'an.

mengadakan sekutu-sekutu bagi Allah,⁵¹ padahal kamu semua mengetahui (bahawa Allah ialah Tuhan Yang Maha Esa).⁵² [22]

⁵¹ dengan menyembahnya selain Allah, atau menyintainya sama seperti menyintai Allah. Perbuatan seperti itu tidak dilakukan oleh orang-orang yang beriman. Allah berfirman:

وَمِنَ النَّاسِ مَن يَتَّخِذُ مِنْ دُونِ اللَّهِ أَندَادًا يُحِبُّونَهُمْ كَحُبِّ اللَّهِ وَالَّذِينَ ءَامَنُوا أَشَدُّ حُبًّا لِلَّهِ وَلَوْ يَرَى الَّذِينَ ظَلَمُوا إِذْ يَرُونَ الْعَذَابَ أَنَّ الْقُوَّةَ لِلَّهِ جَمِيعًا وَأَنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعَذَابِ ﴿١٦٥﴾

Bermaksud: Di antara manusia ada orang-orang yang menyembah sekutu-sekutu yang lain dari Allah; mereka mencintainya sama seperti mereka mencintai Allah. Adapun orang-orang yang beriman amat sangat cintanya kepada Allah. Dan andainya orang-orang yang zalim itu mengetahui ketika mereka melihat azab (pada hari kiamat), bahawa kekuatan itu kepunyaan Allah semuanya, dan bahawa Allah amat keras azabnya (tentulah mereka tidak mempersekutui Allah). (al-Baqarah:165).

⁵² Manusia secara tabi'i dan semula jadinya, apabila berada dalam keadaan sangat terdesak hanya akan memohon pertolongan kepada Allah Tuhan Yang Maha Esa semata-mata. Allah berfirman:

فَإِذَا رَكِبُوا فِي الْفُلِكِ دَعَوْا اللَّهَ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ فَلَمَّا نَجَّيْنَاهُمْ إِلَى الْبَرِّ إِذَا هُمْ يُشْرِكُونَ ﴿٦٥﴾

Bermaksud: Apabila mereka naik kapal (lalu menemui sesuatu bahaya di laut), mereka memohon pertolongan kepada Allah dengan doa yang tulus ikhlas kepadaNya. Kemudian setelah Allah menyelamatkan mereka (naik) ke darat, mereka berlaku syirik kepadaNya. (al-Ankabut:65).

Menerusi dua ayat ini (ayat ke-21 dan ke-22) Allah mengisyaratkan kepada tiga bukti besar daripada bukti-bukti tentang adanya (hari) kebangkitan sesudah mati. Di dalam sekian banyak ayat-ayat yang lain Allah mengemukakannya secara terperinci.

Bukti pertama ialah kejadian dan penciptaan manusia buat kali pertama. Ia diisyaratkan menerusi firman Allah: (اعْبُدُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ وَالَّذِينَ مِنْ قَبْلِكُمْ); kerana kemampuan menciptakan manusia buat kali pertama merupakan bukti bagi kemampuan menciptakannya buat kali kedua. Perkara ini diperjelaskan di dalam sekian banyak ayat-ayat yang lain. Antaranya ialah:

وَهُوَ الَّذِي يَبْدَأُ الْخَلْقَ ثُمَّ يُعِيدُهُ وَهُوَ أَهْوَنُ عَلَيْهِ وَلَهُ الْمَثَلُ الْأَعْلَىٰ فِي السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَهُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ ﴿٢٧﴾

Bermaksud: Dan Dialah yang memulakan kejadian manusia, kemudian mengembalikannya (hidup semula sesudah mereka mati), dan menghidupkan kembali itu adalah lebih mudah bagiNya. Dan bagiNyalah sifat yang tertinggi di langit dan di bumi, dan Dialah Yang Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana. (ar-Ruum:27).

يَوْمَ نَطْوِي السَّمَاءَ كَطَيِّ السِّجِلِ لِلْكِتَابِ كَمَا بَدَأْنَا أَوَّلَ خَلْقٍ نُعِيدُهُ وَعَدًا عَلَيْنَا إِنَّا كُنَّا فَاعِلِينَ ﴿١٠٤﴾

Bermaksud: (Ingatlah) hari Kami menggulung langit seperti menggulung lembaran-lembaran kertas. Sebagaimana Kami telah memulai panciptaan pertama, begitulah Kami akan mengulanginya. Itulah suatu janji yang pasti Kami tepati; sesungguhnya Kamilah yang akan melaksanakannya. (al-Ambiyaa':104).

أَوْ خَلَقًا مِّمَّا يَكْبُرُ فِي صُدُورِكُمْ فَسَيَقُولُونَ مَنْ يُعِيدُنَا قُلِ الَّذِي فَطَرَكُمْ أَوَّلَ مَرَّةٍ فَسَيُنْغِضُونَ إِلَيْكَ رُءُوسَهُمْ وَيَقُولُونَ مَتَى هُوَ قُلْ عَسَى أَنْ يَكُونَ قَرِيبًا ﴿٥١﴾

Bermaksud: atau suatu makhluk dari makhluk yang tidak mungkin (hidup) menurut pikiranmu”. Mereka pula akan bertanya: “Siapa yang akan menghidupkan kita kembali?” Katakanlah: “Yang telah menciptakan kamu pada kali yang pertama”. Lalu mereka akan menggeleng-gelengkan kepala mereka kepadamu dan berkata (secara mengejek): “Bila berlakunya?” Katakanlah: “Dipercayai akan berlaku tidak lama lagi!” (al-Israa’:51).

قُلْ يُحْيِيهَا الَّذِي أَنْشَأَهَا أَوَّلَ مَرَّةٍ وَهُوَ بِكُلِّ خَلْقٍ عَلِيمٌ ﴿٥٢﴾

Bermaksud: Katakanlah: Tulang-tulang yang hancur itu akan dihidupkan oleh Tuhan yang telah menciptakannya kali yang pertama. Dia Maha Mengetahui tentang segala keadaan makhluk-makhluk (yang diciptakanNya). (Yasiin:79).

أَفَعَيَيْنَا بِالْخَلْقِ الْأَوَّلِ بَلْ فِي لَبْسٍ مِنْ خَلْقٍ جَدِيدٍ ﴿٥٣﴾

Bermaksud: Maka adakah Kami telah letih dengan penciptaan yang pertama? Sebenarnya mereka dalam keadaan keliru dan ragu-ragu tentang penciptaan yang baharu. (Qaaf:15).

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنْ كُنْتُمْ فِي رَيْبٍ مِنَ الْبَعْثِ فَإِنَّا خَلَقْنَكُمْ مِنْ تُرَابٍ ثُمَّ مِنْ نُطْفَةٍ ثُمَّ مِنْ عَلَقَةٍ ثُمَّ مِنْ مُضْغَةٍ مُخَلَّقَةٍ وَغَيْرِ مُخَلَّقَةٍ لِّنَبِّينَ لَكُمْ وَنُقَرُّ فِي الْأَرْحَامِ مَا نَشَاءُ إِلَى أَجَلٍ مُسَمًّى ثُمَّ نُخْرِجُكُمْ طِفْلًا ثُمَّ لِتَبْلُغُوا أَشَدَّكُمْ وَمِنْكُمْ مَنْ يُتَوَفَّى وَمِنْكُمْ مَنْ يُرَدُّ إِلَى أَرْدَلِ الْعُمُرِ لِكَيْلَا يَعْلَمَ مِنْ بَعْدِ عِلْمٍ شَيْئًا وَتَرَى الْأَرْضَ هَامِدَةً فَإِذَا أَنْزَلْنَا عَلَيْهَا الْمَاءَ اهْتَزَّتْ وَرَبَتْ وَأُتْبِتَتْ مِنْ كُلِّ رَوْحٍ يَهْبِجُ ﴿٥٤﴾

Bermaksud: Hai manusia, jika kamu dalam keraguan tentang kebangkitan (dari kubur), maka (ketahuilah) sesungguhnya Kami telah menjadikan kamu dari tanah, kemudian dari setetes mani, kemudian dari segumpal darah, kemudian dari segumpal daging yang sempurna kejadiannya dan yang tidak sempurna, agar Kami jelaskan kepada kamu (kekuasaan Kami), dan Kami tetapkan dalam rahim, apa yang Kami kehendaki sampai waktu yang sudah ditentukan, kemudian Kami keluarkan kamu sebagai bayi, kemudian (dengan beransur-ansur) kamu sampailah kepada kedewasaan, dan di antara kamu ada yang diwafatkan dan (ada pula) di antara kamu yang dipanjangkan umurnya sampai tua nyanyuk, supaya dia tidak mengetahui lagi sesuatupun yang dahulunya telah diketahuinya. Dan kamu lihat bumi ini kering, kemudian apabila Kami turunkan air di atasnya, hiduplah bumi itu dan suburlah dengan menumbuhkan berbagai macam tumbuh-tumbuhan yang indah. (al-Hajj:5).

وَلَقَدْ عَلِمْتُمُ النَّشْأَةَ الْأُولَىٰ فَلَوْلَا تَذَكَّرُونَ ﴿٥٥﴾

Bermaksud: Dan Sesungguhnya kamu telah mengetahui penciptaan yang pertama, maka mengapakah kamu tidak mengambil pelajaran (untuk penciptaan yang kedua)? (al-Waaqiah:62).

Itulah sebabnya Allah menyebutkan bahawa orang yang tidak menerima adanya hari kebangkitan sebenarnya ia lupa akan kejadian pertamanya. Lihatlah pula beberapa firman Allah di bawah ini:

وَضَرَبَ لَنَا مَثَلًا وَنَسِيَ خَلْقَهُ قَالَ مَنْ يُحْيِي الْعِظَمَ وَهِيَ رَمِيمٌ ﴿٧٨﴾

Bermaksud: Ia membuat perumpamaan bagi Kami; dan ia lupa kepada kejadiannya; ia berkata: “Siapakah yang dapat menghidupkan tulang belulang yang telah hancur luluh?” (Yasiin:78).

أَوْ لَا يَذْكُرُ الْإِنْسَانُ أَنَّا خَلَقْنَاهُ مِن قَبْلُ وَلَمْ يَكُ شَيْئًا ﴿٧٩﴾

Bermaksud: Tidak ingatkah manusia itu bahawa sesungguhnya Kami telah menciptakannya dahulu, ketika itu, ia tidak ada sama sekali? (Maryam:67).

Bukti kedua ialah kejadian langit dan bumi yang diisyaratkan dengan firmanNya: (الَّذِي جَعَلَ لَكُمُ الْأَرْضَ فِرَاشًا وَالسَّمَاءَ بِنَاءً). Kerana kedua-duanya adalah antara kejadian Allah yang sangat besar. Tuhan yang berkuasa menjadikan makhlukNya yang begitu besar, tentu sekali lebih berkuasa menjadikan makhluk-makhluk kerdil seperti manusia. Bukti ini diterangkan oleh Allah pada beberapa tempat di dalam Al-Qur'an. Antaranya ialah:

خَلَقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ أَكْبَرُ مِنْ خَلْقِ النَّاسِ وَلَكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٥٧﴾

Bermaksud: Sesungguhnya penciptaan langit dan bumi (dari tiada kepada ada) lebih besar daripada penciptaan manusia (dan menghidupkannya semula sesudah matinya); akan tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui. (Ghafir:57).

أَوَلَيْسَ الَّذِي خَلَقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ بِقَدِيرٍ عَلَىٰ أَن يَخْلُقَ مِثْلَهُم بَلَىٰ وَهُوَ الْخَلَّاقُ الْعَلِيمُ ﴿٨١﴾

Bermaksud: Bukankah Tuhan yang telah menciptakan langit dan bumi itu berkuasa menciptakan yang serupa dengan itu? Benar, Dia berkuasa. Dan Dialah Maha Pencipta lagi Maha Mengetahui. (Yasiin:81).

أَوَلَمْ يَرَوْا أَنَّ اللَّهَ الَّذِي خَلَقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ وَلَمْ يَتَّخِذْ لَهُنَّ مِثْلَهُنَّ يَخْلُقُ عَلَىٰ أَن يَخْتِي ۚ أَلَيْسَ لَدَيْهِ كُلُّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿٣٣﴾

Bermaksud: Dan apakah mereka tidak memperhatikan bahawa sesungguhnya Allah yang menciptakan langit dan bumi dan Dia tidak pernah merasa letih kerana menciptakannya, berkuasa (pula) menghidupkan orang-orang mati? Ya (bahkan), sesungguhnya Dia Maha Kuasa atas segala sesuatu. (al-Ahqaaf:33).

أَوَلَمْ يَرَوْا أَنَّ اللَّهَ الَّذِي خَلَقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ قَادِرٌ عَلَىٰ أَن يَخْلُقَ مِثْلَهُمْ وَجَعَلَ لَهُمْ أَجَلًا لَا رَيْبَ فِيهِ فَأَبَى الظَّالِمُونَ إِلَّا كُفُورًا ﴿٩٩﴾

Bermaksud: Tidakkah mereka mahu memikirkan dan meyakini bahawa Allah yang menciptakan langit dan bumi, berkuasa menciptakan orang-orang yang seperti mereka (dalam bentuk yang baru), padahal Dia telahpun menentukan bagi mereka tempoh yang tidak ada syak padanya? Dalam pada itu, orang-orang yang zalim enggan menerima melainkan kekufuran. (al-Israa':99).

وَأَنْتُمْ أَشَدُّ خَلْقًا أَمِ السَّمَاءُ بَنَاهَا ﴿٧٧﴾ رَفَعَ سَمَكَهَا فَسَوَّاهَا ﴿٧٨﴾

۸۵ ﴿لَا يَخْشَى الْفِتْنَةَ سَائِرَ مَا فِي الْأَرْضِ﴾

[illegible]

⑪ ﴿لَا إِلٰهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ لَا تَأْخُذُهُ سِنَةٌ وَلَا نَوْمٌ لَّهِ مَا فِي السَّمٰوٰتِ وَمَا فِي الْاَرْضِ مَنْ ذَا الَّذِي يَشْفَعُ عِنْدَہٗٓ اِلَّا بِاِذْنِهٖ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ اَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَ اٰخٰدِيهِمْ وَسَيَجْزِيْہٗ الْجَزَاءَ﴾

۱۶۱

Dia telah meninggalkan bangunan langit itu lalu menyempurnakannya, (28)

Bermaksud: (Wahai golongan yang ingkarkan kebangkitan hidup semula!) “Kamukah yang sukar diciptakan atau langit?” Tuhan telah membinaanya (dengan Kukuhi)! (27)